

28/04/1997

TVR Sports mungkin eksport komponen ke UK

TVR Sports (Malaysia) Sdn Bhd, syarikat pengeluar kereta sports TVR, mengkaji kemungkinan mengeksport beberapa bahagian kereta berkenaan yang dihasilkan di negara ini kepada rakan kongsinya, TVR Engineering Ltd di United Kingdom.

Ketua eksekutif syarikat itu, Peter Tan, berkata TVR Sports juga mengenal pasti beberapa bahagian kenderaan yang boleh dieksport seperti bahagian badan kereta tersebut yang diperbuat daripada kaca gentian.

Bercakap pada persidangan akhbar selepas pelancaran Chaimaera keluaran tempatan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Shah Alam, kelmarin Tan berkata Thailand adalah salah sebuah negara yang mungkin menjadi destinasi eksport Chimaera dalam bentuk CKD. - Bernama

(END)